



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.11/2023
PADA 29 NOVEMBER 2023 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Pada 3 November 2023, YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri di Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Media KPKT (AkeMedia) 2023 bertempat di Hotel JW Marriot Kuala Lumpur. Penganjuran Majlis AkeMedia 2023 merupakan inisiatif KPKT bagi meraikan dan mengiktiraf peranan dan sokongan berterusan pihak media yang mengetengahkan hasil karya berkualiti berkaitan agenda utama KPKT. Sebanyak 363 penyertaan bagi hasil karya yang telah disiarkan bermula 1 Disember 2022 sehingga 10 September 2023 telah dihantar kepada KPKT untuk dinilai.
5. Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Negeri Sembilan telah menghantar penyertaan di atas liputan mengenai Pemasangan Solar Rendah Karbon di seluruh kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban dengan kerjasama *Cypark Resources* Berhad dan GSPARX Sdn Bhd. Namun kali ini kemenangan tidak berpihak kepada RTM Negeri Sembilan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak media yang sentiasa bekerjasama dalam memaparkan maklumat berkaitan Majlis Bandaraya Seremban untuk disampaikan

kepada warga bandar raya Seremban. Saya berharap lebih banyak informasi dapat diketengahkan oleh pihak media kepada warga bandar raya supaya mereka tidak ketinggalan dalam mengecapi pembangunan dan inisiatif yang disampaikan oleh Majlis.

6. Selain itu, pihak KPKT turut mengadakan Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023. Saya dan seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah terutamanya kepada :

- (a) YBhg. Dato' Haji Rumaizi bin Baharin @ Md Daud - Datuk Bandar Majlis Bandaraya Ipoh yang telah menerima Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik Kategori Bandaraya ;

- (b) TPr. Noraini binti Roslan – Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang yang telah menerima Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik Kategori Perbandaran ; dan

- (c) Michelle Hildalyne Jering Anthony Luta – Setiausaha Majlis Daerah Marudi yang telah menerima Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik bagi Kategori Daerah.

7. Bagi Kategori PBT Cemerlang, Majlis mengucapkan tahniah kepada :

- (a) Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah menerima anugerah bagi Kategori Bandaraya ;

- (b) Perbadanan Putrajaya yang telah menerima anugerah bagi Kategori Perbandaran ; dan

- (c) Majlis Daerah Lipis yang telah menerima anugerah bagi Kategori Daerah.

8. Majlis mengucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis Daerah Kuala Pilah yang tercalon di antara 5 finalis akhir bagi Kategori PBT Cemerlang Daerah manakala syabas dan tahniah juga kepada Tuan Mohd Zamri bin Mohd Isa mantan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson yang telah tercalon dalam Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik Kategori Perbandaran. Saya meminta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban supaya dapat berusaha dengan lebih kuat dan meningkatkan mutu perkhidmatan supaya MBS turut tercalon sebagai penerima anugerah pada masa akan datang.

Sumber : Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

HARI BERTEMU PELANGGAN

9. Pada 1 November 2023, Majlis Bandaraya Seremban buat julung kalinya telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan semenjak dinaiktaraf sebagai bandaraya di Dewan Perbandaran Nilai. Program ini merupakan inisiatif Majlis Bandaraya Seremban untuk memberi peluang kepada warga bandar raya Seremban untuk mengemukakan aduan, cadangan atau pertanyaan mengenai perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban secara bersemuka dan beramah mesra dengan pengurusan tertinggi MBS. Seramai 524 orang pengunjung telah hadir ke program ini dan 100 orang pengunjung terawal telah diberikan anak pokok secara percuma.

10. Antara pengisian pada hari tersebut ialah :

- i. Tawaran kompaun sebanyak 70% ;
- ii. Semakan & bayaran Cukai Taksiran ;
- iii. Semakan & bayaran Cukai Tanah ;
- iv. Semakan bil elektrik ;
- v. Kempen *Kitarecycle* ;
- vi. Pembelian minyak masak terpakai.

11. Agensi luar yang turut terlibat membuka *booth* pada hari berkenaan adalah :-

- (a) Pejabat Daerah dan Tanah Seremban (PDS) ;
- (b) Jabatan Kerja Raya N.Sembilan (JKR) ;
- (c) Tenaga Nasional Berhad (TNB) ;
- (d) Jabatan Pengairan dan Saliran N.Sembilan (PDS) ;
- (e) Pejabat Kesihatan dan Daerah Seremban (PKD) ;
- (f) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP) Nilai ;
- (g) SWM Environment Nilai ;
- (h) Suasa Efektif (M) Sdn Bhd ;
- (i) Oval *Success* Sdn Bhd ;
- (j) Jabatan Dalaman MBS

Saya mengucapkan terima kasih kepada agensi dan semua yang terlibat dalam menjayakan program pada hari tersebut dan saya meminta program ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan penglibatan lebih banyak agensi luar di lokasi yang berbeza pula.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

MONSUN TIMUR LAUT 2023/2024

12. Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengeluarkan kenyataan media pada 7 November 2023 yang lalu di mana Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 atau musim tengkujuh di Malaysia dijangka bermula pada 11 November 2023 dan berterusan sehingga Mac 2024. Dalam tempoh ini, empat hingga enam episod hujan lebat dijangka berlaku.
13. Semasa fasa awal MTL dari November 2023 hingga Januari 2024, episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan barat Sarawak. Namun sekiranya luruan monsun yang berlaku adalah kuat dan pada masa yang sama wujud sistem cuaca tekanan rendah, hujan lebat berterusan boleh berlaku di negeri-negeri lain di Malaysia.
14. Hujan lebat berterusan untuk tempoh beberapa hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan berkedudukan rendah dan kawasan kerap banjir. Sekiranya hujan lebat berterusan berlaku serentak dengan kejadian air pasang besar dan luruan ribut risiko kejadian banjir boleh menjadi lebih ekstrem. Selain itu, tiupan angin

timur laut secara berterusan dan kencang boleh menyebabkan laut bergelora, risiko kenaikan paras laut dan ombak besar di perairan Laut China Selatan.

15. Manakala pada fasa akhir MTL iaitu pada Februari hingga Mac 2024 dijangkakan utara Semenanjung (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu), Sabah, Labuan, utara Sarawak mengalami kurang hujan. Keadaan cuaca panas dan kering yang dijangka bermula Mac 2024 berpotensi menyebabkan berlakunya gelombang haba. Situasi ini berikutan El Nino yang dijangka berterusan sehingga pertengahan 2024 dan *Indian Ocean Dipole* (IOD) positif pula dijangka sehingga suku pertama tahun 2024.
16. Orang ramai dinasihatkan agar bersiap sedia menghadapi musim tengkujuh serta sentiasa peka dengan maklumat, nasihat, ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) melalui medium sebaran rasmi iaitu laman web www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi MET Malaysia. Talian *Hotline* MET Malaysia 1-300-22-1638 boleh dihubungi bagi sebarang pertanyaan lanjut.
17. Saya meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban supaya sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi Monsun Timur Laut. Marilah sama-sama kita berdoa agar kejadian pada tahun 2021 yang menimpa banjir di beberapa kawasan dalam Pentadbiran MBS tidak berlaku lagi. Insya Allah.

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

18. Sehingga 26 November 2023, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

- (a) Cukai Taksiran
Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM122.15Juta)
Prestasi = RM119.28Juta (83%)

- (b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM25.12Juta)
Prestasi = RM17.37Juta (20.74%)

- (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10Juta)
Prestasi = RM133.69Juta (94.08%)

- (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50Juta)
Prestasi = RM201.79Juta (98.19%)

- (e) Belanja Mengurus (RM218.07Juta)
Prestasi = RM184.42Juta (84.57%)

- (f) Belanja Pembangunan (RM15.74Juta)
Prestasi = RM5.86Juta (37.28%)

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

19. Bermula 1 Januari 2023 sehingga 6 November 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
 - i. *fogging* 82,914 premis ;
 - ii. ULV 92,274 premis ;
 - iii. *larvaciding* 103 lokaliti ;
 - iv. *source reduction* 116 lokaliti ;
 - v. gotong-royong ke atas 116 taman ;

20. Sehingga 15 November 2023, Tanah Perkuburan Kristian Sendayan telah merekodkan sebanyak 24 kematian akibat COVID-19 dan 232 kematian biasa.

21. Manakala Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 544 kematian akibat COVID-19 dan 417 kematian biasa telah direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah mencatatkan sebanyak 906 kematian biasa telah direkodkan dan bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka pada 15 April 2022, masih TIADA jenazah dikebumikan di tanah perkuburan tersebut.

22. Satu operasi bersepadu bagi kawalan dan pencegahan wabak denggi di dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban diadakan (siri kedua) telah diadakan pada 29 Oktober 2023 sehingga 2 November 2023 dengan kerjasama dari Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, SWCORP, SWM Environment dan Unit COB MBS.
23. Tujuan operasi ini diadakan adalah untuk menjalankan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan (PTP), aktiviti penguatkuasaan, aktiviti *larvaciding*, aktiviti semburan ruang termal (SRT) dan ultra low volume (ULV) di lokaliti yang dikenalpasti oleh Pejabat Kesihatan Daerah Seremban sebagai wabak tidak terkawal dan hotspot.
24. Kawasan wabak yang terlibat dalam operasi pada kali ini adalah Taman Desa Cempaka (Jalan BBN 6/1 dan 6/2), Flat Cempaka Puri 1 dan 2, Taman mantau Indah Fasa 1, 2 dan 3, Taman Tuanku jaafar Fasa 3 dan Taman Tasik Jaya Fasa 1.

Sumber : Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

i. Majlis Penyerahan Surat Pemangkuan Untuk Kenaikan Pangkat dan Time Based Kecemerlangan (TBK)

25. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Majlis Penyerahan Surat Pemangkuan Untuk Kenaikan Pangkat dan *Time Based* Kecemerlangan (TBK) di Bilik Dato' Klana Petra, Wisma MBS melibatkan 15 orang penerima terdiri daripada pelbagai jabatan pada 1 November 2023 yang lalu. Kenaikan pangkat merupakan satu pengiktirafan terhadap keupayaan pegawai melaksanakan tugas dengan cemerlang mengambil kira kualiti pegawai yang merangkumi kepimpinan, personaliti, tata kelakuan dan peribadi seseorang penjawat awam. Selain itu, pegawai yang memangku jawatan akan dinilai keupayaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab gred yang lebih tinggi. Prestasi semasa memangku jawatan akan dijadikan asas utama oleh Lembaga Kenaikan Pangkat dalam mempertimbangkan kenaikan pangkat pegawai.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

ii. **Kursus Pengenalpastian *Hazard*, Penaksiran Risiko Dan Kawalan Risiko (HIRAC)**

26. Selain itu, pada 2 November 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Kursus Pengenalpastian *Hazard* Penaksiran Risiko Dan Kawalan Risiko (HIRAC) bertempat di Bilik Waris Klana Di Hulu, Wisma MBS. Seramai 47 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan dalam Majlis Bandaraya Seremban telah diberi pendedahan, panduan dan bimbingan bagi mengenalpasti *hazard* serta risiko.

Sumber : Jab. Khidmat Pengurusan

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN UNIT INTEGRITI

27. Surat layang merupakan surat yang ditulis tanpa nama pengirim, yang tidak diketahui tujuannya, berniat untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang dirasakan melanggar undang-undang, peraturan dan adab serta tatasusila. Ianya boleh dikira sebagai satu kesalahan jenayah.
28. Pengirim yang menyebarkan maklumat palsu dan tuduhan yang tidak benar terhadap seseorang boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 499, Kanun Keseksaan (Akta 574). Adalah ditegaskan bahawa surat layang tidak akan diambil tindakan oleh Pentadbiran Majlis jika tidak dilengkapi maklumat dan bukti yang kukuh.

PROGRAM BICARA INTEGRITI

29. Sambutan Hari Integriti Peringkat Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 15 November 2023 bertempat di Ruang Hidang Dato' Dagang Paroi, Wisma MBS. Program ini diadakan sempena sambutan bulan Integriti Nasional 2023 bertemakan "Integriti Citra Malaysia Madani" bagi menyemarakkan ciri-ciri keperibadian yang tinggi dalam jiwa warga kerja Majlis Bandaraya Seremban. Sehubungan dengan itu, MBS telah mengundang Ameng Spring bagi berkongsi pengalaman mengenai integriti.

Sumber : Unit Integriti

MALAYSIA FESTIVAL 2023 HATYAI, THAILAND

30. Majlis Bandaraya Seremban telah menyertai misi mempromosikan produk pelancongan daerah Seremban semasa Malaysia Festival 2023 Hatyai, Thailand pada 17 sehingga 19 November 2023. Program ini telah disempurnakan oleh Duli yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Turut hadir semasa program diadakan ialah Tuan Ahmad Fahmi Ahmad Sakarwi *Consul General of Malaysia* di Songkhla, Thailand.

Sumber : Facebook Pesona Seremban

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

SEMINAR PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN STRATA

31. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Seminar Pembangunan dan Pengurusan Strata Tahun 2023 bertempat di d'Tempat Country Club, Sendayan pada 16 Oktober 2023,. Tujuan seminar ini diadakan adalah sebagai medium perkongsian ilmu dan pengalaman daripada penceramah berkenan pengenaaan caj pemajuan – bangunan strata, pengendalian isu penyenggaraan – kebocoran antara tingkat dan isu-isu pengurusan strata daripada perspektif Jabatan Perumahan Negara (JPN). Seramai 115 orang peserta terdiri daripada :-

Bil	Peserta	Bilangan
1	Arkitek	4
2	Jabatan/Agensi Kerajaan	6
3	JMB/MC	15
4	Jurukur	7
5	Pemaju	47
6	Pengurus Harta	19
7	Penilai	2
8	Perancang Bandar	3
9	Pihak Berkuasa Tempatan	12

32. Peserta yang hadir diberi mata *Continuing Professional Development* (CPD) dan Majlis telah menjemput 5 orang penceramah untuk menyampaikan ceramah semasa seminar tersebut.

Sumber : Unit COB

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**LAWATAN KERJA OSC MAJLIS PERBANDARAN KAJANG :
PERKONGSIAN PENGALAMAN DALAM PENGURUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT SECARA
DALAM TALIAN (*ONLINE*) DALAM SISTEM OSC 3.0 *PLUS
ONLINE***

33. Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Seremban bagi mempelajari pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat menggunakan Sistem OSC 3.0 *Plus Online* pada 9 November 2023 yang lalu. Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Pengarah Unit Pusat Setempat, Puan Eгна Francis Giitom di mana kunjungan tersebut juga merupakan platform untuk berkongsi pengalaman terhadap isu dan masalah dalam pengurusan mesyuarat secara atas talian. Selain itu, MBS juga dijadikan sebagai rujukan dalam pelaksanaan mesyuarat menggunakan sistem tersebut di MPKj.

34. Untuk maklumat tambahan, OSC MBS juga telah melaksanakan pengemukaan Notifikasi Mula Kerja Binaan (Borang B – Mula Kerja Tanah dan Kerja Bangunan) secara dalam talian melalui Sistem OSC 3.0 *Plus Online* bermula 1 Oktober 2023 selaras dengan keperluan Manual OSC 3.0 *Plus* Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan OSC dan Pelan Strategik Pendigitalan MBS 2021 – 2025.

Sumber : Unit OSC

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2023 PERINGKAT KEBANGSAAN

35. YBhg. Datuk Wira M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2023 Peringkat Kebangsaan bertemakan ‘Malaysia MADANI Komuniti Sejahtera’ di Dewan Seri Siantan, Kompleks Persidangan Perbandaran Putrajaya pada 9 November 2023. Program ini merupakan anjuran bersama di antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Pertubuhan Perancang Bandar (MIP) dan Perbadanan Putrajaya yang turut disokong oleh Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM).

36. Di dalam majlis tersebut, Majlis Bandaraya Seremban telah dianugerahkan Anugerah Penarafan Bandar Pintar '*Smart City Early Adopter*' 2023 di mana ianya telah diperakukan melalui Jawatankuasa Penarafan Bandar Pintar melalui Majlis Bandar Pintar Negara. Tuan Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban telah mewakili saya untuk menerima trofi, plak dan Hadiah Cek Peruntukan Khas Inisiatif Bandar Pintar oleh pihak Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebanyak RM200,000.00 pada hari berkenaan.
37. '*Smart City Early Adopter*' merupakan Tahap 1 – Bandar Pintar (*Smart City*) yang telah digubal KPKT berdasarkan Matrik Pelaksanaan Bandar Pintar Malaysia seperti mana dipersetujui oleh Majlis Bandar Pintar Negara pada 10 Oktober 2023 yang lalu. Semoga pengiktirafan ini dapat melonjakkan nama dan motivasi warga kerja Majlis Bandaraya Seremban untuk terus memberikan servis dan mengaplikasi projek pintar seterusnya dapat menyokong aspirasi Negara Pintar (*Smart Nation*) pada tahun 2040.
38. Untuk pengetahuan, Matrik Pelaksanaan Bandar Pintar Malaysia terbahagi kepada 4 Tahap iaitu :-

Tahap 1 – *Smart City Early Adopter*

Tahap 2 – *Developing Smart City*

Tahap 3 – *Leading Smart City*

Tahap 4 – *Visionary Smart City*

Sumber : *Jabatan Perancangan Pembangunan*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN PELANCONGAN

39. Pembangunan masyarakat adalah antara kriteria bandar mampan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan 5 program berkaitan dengan masyarakat di Seremban. Program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- i. Pertama Majlis Bacaan Yassin di Masjid Al-Azim Taman Semarak, Nilai bersama dengan jawatankuasa masjid dan penduduk. Antara perkara yang dibincangkan adalah penggunaan tanah kubur di Sg. Mahang.
- ii. Yang kedua adalah program penyerahan peralatan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO). Tujuannya adalah untuk melibatkan NGO dan membantu rakyat untuk menghadapi musim Monsun Timur Laut, 7 NGO di dalam kawasan Nilai telah dipilih untuk menerima peralatan daripada MBS.
- iii. Program yang ketiga pula adalah Program Masyarakat Penyayang bersama-sama dengan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Labu bagi Projek “Bayam Brazil”. Program ini bertujuan untuk mendayaupayaan kumpulan sasaran supaya terus aktif di usia emas.

- iv. Seterusnya, golongan Kurang Upaya juga tidak dilupakan oleh Majlis. Satu program bersama Pusat Pemulihan Dalam Komuniti telah diadakan di Rantau pada 16 November 2023. Tujuannya adalah supaya pihak Majlis dapat bersama-sama dengan ibu bapa kanak-kanak istimewa bagi menunjukkan keprihatinan kerajaan selaras dengan konsep Malaysia Madani.

- v. Program yang kelima pula adalah, JPMP MBS telah mengadakan Kejohanan Bola Jaring Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban pada 19 November 2023. Melalui program ini kita dapat mencungkil bakat-bakat baharu dan dalam pada masa yang sama kita dapat menerapkan semangat kesukanan dikalangan peserta. Saya meminta kejohanan seperti ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang bagi mewujudkan warga bandaraya yang sihat dan mempunyai semangat pasukan yang teguh.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

YB Datuk', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PERTANDINGAN NASYID PENJAWAT AWAM NEGERI SEMBILAN 2023

40. Pada 16 November 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah menyertai Pertandingan Nasyyid Penjawat Awam Negeri Sembilan 2023 yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) bertempat di Dewan Majlis Bandaraya Seremban. Kumpulan SHAMS yang diwakili oleh 10 orang warga kerja Majlis Bandaraya Seremban telah memberikan kesungguhan dan komitmen pada pertandingan kali ini. Walaupun keputusan kali ini tidak berpihak kepada MBS, namun saya berharap ianya tidak mematahkan semangat untuk mencuba pada tahun hadapan.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

41. Bagi menyediakan satu platform kepada pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC), pihak COB Majlis Bandaraya Seremban juga melaksanakan aktiviti dan latihan libat urus dengan kumpulan ini. Sehubungan dengan itu, COB MBS telah mengadakan 2 program utama sepanjang November 2023 untuk JMB dan MC. Program pertama yang telah diadakan ialah :-

- i. Lawatan ke Pangsapuri Orkid Johor Bahru bagi mempelajari amalan terbaik JMB yang telah mendapat pengiktirafan ISO ;
- ii. Program yang kedua pula adalah Program Komuniti Strata yang menyediakan *platform* komunikasi 2 hala antara Majlis Bandaraya Seremban dan JMB / MC dalam kawasan Nilai. Daripada kedua-dua program ini Majlis mengharapkan JMB / MC di Seremban dapat diberikan pendedahan untuk memastikan kawasan masing-masing terjaga dengan baik di bawah moto Mampan, Bersih dan Sejahtera.

Sumber : Unit COB

PENUTUP

42. Untuk makluman mesyuarat, melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 25 Oktober 2023 dan Petikan Minit MMKN (MMK/PARA 20/Minit II) bertarikh 25 Oktober 2023, tempoh perlantikan perkhidmatan Ahli Majlis dilanjutkan sehingga 30 November 2023. Manakala tempoh perlantikan perkhidmatan Pembantu Ahli Majlis seramai 23 orang telah ditamatkan berkuatkuasa 31 Oktober 2023. Walaubagaimanapun, Pentadbiran Majlis mendapati terdapat keperluan untuk melantik Pembantu Ahli Majlis di kawasan-kawasan tertentu dan perkara ini akan dibincangkan semula dengan YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan.

43. Dikesempatan ini, saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala sumbangan, komitmen dan kerjasama yang diberikan selama berkhidmat sebagai Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban. Pada yang tidak dilantik semula, jadikan pengalaman di MBS sebagai satu pengalaman yang paling berharga dan boleh terus digunakan untuk berkhidmat untuk rakyat Seremban dan Negeri Sembilan.
44. Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Ahli Majlis yang baharu dijangka akan diadakan pada 30 November 2023 bertempat di Dewan Theatrette, Wisma Negeri, Seremban. Saya dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang disambung pelantikan perkhidmatan.
45. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, izinkan saya menyampaikan 2 rangkap pantun :-

Berangkat sampan ke Pulau Pandan ;
Mencari kepah untuk hidangan ;
Perpisahan ini bukan sempadan ;
Ikatan terjalin usah diputuskan.

Di Atas Dahan Burung Tempua ;
Melihat Rusa Tepi Perigi ;
Salam Perpisahan Untuk Semua ;
Di Lain Masa Bersua Lagi

Sekian, terima kasih.

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
29 NOVEMBER 2023